



DRAF

UCAPAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN

NEGERI PERLIS

BAGI MAJLIS APRESIASI SISIPAN AKHBAR KHAS

SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-

77

D.Y.M.M TUANKU RAJA PERLIS

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis

Maju”

Dengan penuh takzimnya patik mengadap

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN
PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL
(TUANKU RAJA MUDA PERLIS)

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJJAH LAILATUL
SHAHREEN AKASHAH KHALIL (TUANKU RAJA PUAN MUDA
PERLIS)

Encik Imran bin Ibrahim iaitu Pengarah Urusan Shorubber
(Malaysia) Sdn Bhd selaku tuan rumah pada majlis kali ini

Serta;

Yang Berbahagia, Dif-dif kehormat, Barisa-barisan Penaja,
Pihak urus setia, serta hadirin-hadirat sekalian.

Ampun Tuanku, Beribu Ampun,

1. Patik mewakili **Kerajaan Negeri Perlis**, terlebih dahulu memohon sembah dan junjung kasih tidak terhingga kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis kerana

berkenan berangkat mencemar duli ke **MAJLIS APRESIASI
SISIPAN AKHBAR KHAS SEMPENA ULANGTAHUN HARI
KEPUTERAAN YANG KE-77 .**

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penaja. Dengan berlakunya majlis kita pada hari ini, sekaligus ia menunjukkan kerjasama yang baik diantara agensi-agensi dan penaja-penaja dalam melakukan tugas masing-masing dikala negara kita menghadapi ancaman wabak Covid-19.

3. Ucapan ribuan terima kasih juga saya ingin ucapkan kepada penaja-penaja kita pada hari ini. Walaupun terdapat kekangan operasi berlaku pada awal pelaksanaan PKP, namun mengambil semangat sambutan ulang tahun Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis, tajaan tetap diteruskan. Syabas kepada para penaja-penaja. Ia merupakan sumbangan yang besar khususnya kepada DYMM Tuanku Raja dan negeri Perlis amnya.

4. Saya meminta supaya kerjasama strategik antara swasta dan kerajaan di negeri ini diluaskan ke lebih banyak bidang seperti pelancongan, pelaburan dan lain-lain dimana pada akhirnya kita dapat memajukan negeri dengan lebih cemerlang.

5. Saya juga ingin merakamkan penghargaan 'Tahniah' kepada Pihak Urus Setia Unit Korporat dan Integriti, dan 'Tuan rumah' Shorubber (Malaysia) Sdn Bhd di atas kejayaan penganjuran Majlis Apresiasi pada kali ini. Seperti yang semua sedia maklum Majlis ini merupakan platform untuk memberi pengiktirafan dan beramah mesra kepada Penaja-Penaja Sisipan Ahbar yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan Sambutan Hari Keputeraan Yang Ke-77.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

6. Saya tidak berhasrat untuk mengambil masa tuan/puan lebih lama, justeru saya mengharapkan Majlis Apresiasi ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya.

Sekian, *Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*